



# **PERBINCANGAN RAKYAT DEMI MELAYU**

**SIRI 5/2021**

## **TAJUK: MEMO RAKYAT: PEMIMPIN YANG DIMAHUKAN**

**Panel:**

**TUAN YAZID OTHMAN  
USTAZ ENSKU AHMAD  
PROF DATUK MAHAMAD NASER DISA**

**Ditranskrip Oleh:**

**NUR NATASHA BINTI NASRUN**

**Disunting Oleh:**

**NUR NATASHA BINTI NASRUN**

**Terbitan:**

**GABUNGAN DEMI MALAIU**

## **Memo Rakyat: Pemimpin Yang Dimahukan**

Durasi: 1:52:28

### **Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (2:14 – 3:03)**

Assalamualaikum w.b.t diucapkan kepada semua penonton Demi Maliau. Pada mala mini, saya Akyem Samad akan membicarakan, membawakan topik Memo Rakyat, siapakah pemimpin yang dimahukan oleh rakyat pada ketika ini. Pada mala mini, Demi Maliau membawakan tiga orang panel yang cukup hebat dan tanpa membuang masa, saya tampilkan antara panel yang kita ada. Yang pertama, Tuan Yazid Othman, seterusnya Ustaz Engku Ahmad dan Prof Datuk Mahamad Naser Disa. Selamat datang Demi Maliau ucapkan kepada para panel. Assalamualaikum.

### **Tuan Yazid Othman, Ustaz Engku Ahmad, Prof Datuk Mahamad Naser Disa = (3:03 – 3:07)**

Waalikumussalam w.b.t.

### **Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (3:08 – 3:32)**

Jadi, bagi membicarakan topik yang agak panas pada malam ini, kita ingin memulakan dengan Ustaz Engku Ahmad Fadzil.

*Soalan: Apabila bercakap tentang pemimpin, dalam realiti hari ini, sebenarnya apakah ciri-ciri pemimpin yang rakyat Malaysia perlukan pada ketika ini? Silakan Ustaz.*

### **Ustaz Engku Ahmad Fadzil (ahli panel) = (3:36 – 20:28)**

Assalamualaikum w.b.t. Bismillahirrahmanirrahim (bacaan doa). Terima kasih kepada tuan moderator, saudara Lokman Hakiem, seterusnya kepada rakan-rakan ahli panel yang saya hormati, Datuk Profesor Haji Mahamad Naser Disa, mantan ketua saya dahulu di IKSIM, dan yang saya hormati, Tuan Ahmad Yazid Othman, yang InsyaAllah, saya percaya masing-masing sangat berkepakaran, cuma saya hanya menampung sedikit. Berkaitan dengan soalan pertama tadi, dalam realiti hari ini, apakah ciri-ciri pemimpin yang perlu ada dalam negara Malaysia. Cabarannya adalah dalam perkataan ‘realiti hari ini’. Jika kita bercakap tentang yang ideal, mungkin lebih mudah, kita boleh senaraikan sahaja segala ciri-ciri pemimpin yang kita mahukan. Tetapi realiti tidak seindah apa yang kita mahukan. Maka, InsyaAllah, pada mala mini saya akan mengupas persoalan ini berdasarkan tiga sudut. Yang pertama berdasarkan Ayat 26, Surah 28 iaitu al-Qasas, kemudian sudut yang kedua berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Islam, dalam kitab-kitab Fiqh atau lebih khusus dalam kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah iaitu hukum-hukum berkaitan dengan pemerintahan. Sudut yang ketiga pula, InsyaAllah berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan di mana kita ada pakarnya di sini iaitu Datuk Profesor Mahamad Naser Disa mungkin boleh memperbetulkan apa yang saya katakan berkenaan Perlembagaan Persekutuan jika tidak tepat. Baik, yang pertama berdasarkan Ayat 26, Surah 28, firman Allah taala, “قَالَتْ لِحَدِيثِهِمَا يَأْتِي اسْتَأْجَرُهُ إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَأْجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ”، berkata salah seorang

daripada dua anak perempuan, “Bapa, ambillah dia sebagai seorang pekerja kita, sesungguhnya sebaik-baik orang yang diambil bekerja adalah al-Qawiyu al-Amin.” Jadi, secara idealnya, tentulah pemimpin yang hendak kita lantik walaupun dalam konteks ayat al-Quran ini berkisahkan tentang pengembala kambing, bagaimanapun pemimpin ini bukanlah mengembala kambing tetapi dalam hadith Nabi SAW, “Setiap daripada kamu adalah pengembala atau orang yang mengendalikan sekumpulan. Setiap daripada kamu dipertanggungjawabkan ‘raiyyah’nya, iaitu orang yang dijaganya. Bagi pengembala kambing, kambing yang dijaganya manakala pemimpin, maka manusia yang dijaga. Jika pekerjaan mengembala kambing pun memerlukan dua kriteria, iaitu orang yang kuat dan Amanah, apatah lagi orang yang memimpin manusia. Tetapi sudah tentu kekuatan yang disebutkan bukanlah kekuatan fizikal, kerana jika melihat kepada pengembala kambing, kitab oleh membayangkan mereka mengangkat air, hendak ke bukit, ke sana sini, itu semua memerlukan kekuatan fizikal. Tetapi kekuatan fizikal tanpa amanah juga boleh membawa mudarat. Dalam konteks pemimpin sekarang, mungkin tidak kekuatan fizikal itu bukan perkara utama, tetapi kekuatan peribadi untuk mengelak kecenderungan salahguna kuasa, melawan nafsu kepada menerima rasuah, menolak syahwat kepada memfitnah, semua ini memerlukan kekuatan peribadi. Yang kita tidak mahu, sekarang ini mungkin ada yang kuat, tetapi kuat apa? Kuat menipu, kuat berlakon, kuat berpolitik yang saling menjatuhkan dan berebut kuasa. Kemudian, perlulah dicari ciri-ciri amanah ini kerana sifat ini merupakan satu komoditi yang sukar dicari pada masa kini bukan sahaja dalam kalangan mereka yang bergelumang dalam dunia politik, malah dalam kalangan sebahagian agamawan pun mungkin sukar. Jadi, secara kesimpulan untuk yang pertama, perlu ada kekuatan syahsiah peribadi, kekuatan fikiran iaitu boleh berfikir dengan bijak supaya tidak mudah terpedaya, kekuatan ilmu pengetahuan untuk berunding dengan dunia luar, bukan hanya politik dalam sahaja, politik antarabangsa juga perlu dikendalikan dan yang paling penting, perlu ada amanah. Dari sudut yang kedua, perlu ada syarat-syarat khalifah. Hal ini memang sukar untuk kita aplikasikan sepenuhnya, tentunya tidak akan berlaku dalam dunia realiti kita pada hari ini. Tetapi kita cuba semampu yang mungkin. Syarat kepimpinan yang pertama dalam Islam ialah orang menjadi pemimpin itu mestilah orang Islam. Dalam kitab Fiqh ada menyebutkan, tidak sah kepimpinan orang kafir ke atas orang Islam. Jadi, dalam realiti Malaysia pada hari ini, mungkin agak sukar untuk kita dapati kecuali pada pimpinan dalam bentuk raja-raja dan sultan-sultan. Kita tahu bahawa baginda-baginda merupakan orang yang beragama Islam. Tetapi dalam kepimpinan politik, kita tahu bahawa undang-undang kita tidak meletakkan syarat Islam untuk menjadi ahli parlimen, Menteri, bahkan Perdana Menteri walaupun secara sejarah dan konvensional, Perdana Menteri bagi negara kita ini adalah orang Islam. Tetapi dari segi peruntukan Perlembagaan, atau undang-undang tidak ada peruntukan tersebut. Kita perlu fikirkan dalam konteks negara kita ini, mungkin akan disentuh dalam Perlembagaan, Islam adalah agama persekutuan. Adakah sesuai untuk diletakkan syarat pemimpin di peringkat tertentu perlu beragama Islam bahkan ahli-ahli Parlimen juga berbeza antara satu negara dengan negara yang lain. Mungkin ahli Parlimen Mesir berbeza kuasanya dengan Malaysia yang mempunyai kuasa yang sangat luas iaitu menggubal dan meminda undang-undang yang menyangkut pelbagai cabang kehidupan kita. Mungkin sudut yang ketiga iaitu Perlembagaan Persekutuan akan saya sentuh dalam pusingan yang kedua. Yang kedua, agak mudah iaitu pemimpin perlulah yang telah baligh. Bukannya kanak-anak atau minor. Kita boleh praktikkan dalam dunia kita pada hari ini, yang minor memang tidak boleh menjadi

pemimpin, malah mengundi juga masih belum layak. Dalam negara kita, masih memperuntukkan umur 21 tahun untuk mengundi walaupun telah dicadangkan untuk menurunkan had umur kepada 18 tahun, saya secara peribadi agak bimbang kerana kematangan pengundi ini berbeza dengan kematangan dalam bidang yang lain bahkan dari segi sistem Islam, diberikan hak memilih pemimpin dan tanggungjawab kepada Ahlul Halli wal Aqdi, golongan tertentu yang benar-benar ada kepakaran, golongan yang memang berpengalaman. Misal kata, dalam sistem kita sekarang, orang yang tidak ada wawasan dalam kehidupan pun, 21 tahun ke atas ini boleh mengundi. Orang yang tidak ada agama juga boleh mengundi. Jadi, ini memberi kesan. Kemudian, yang ketiga ialah akal. Orang gila, tidak layak menjadi pemimpin. Dari segi undang-undang tidak akan membenarkan orang yang tidak waras diangkat sebagai pemimpin negara, tetapi yang gila pangkat, harta dan harta ramai. Nauzubillah. Yang keempat ialah kebebasan. Maknanya, hamba abdi tidak sah menjadi pemimpin. Jika dia merampas kuasa, lainlah kerana dalam sejarah pernah berlaku, Tetapi dalam syarat asal. Seorang hamba tidak boleh menjadi pemimpin. Ini daripada satu sudut, tidak relevan pada zaman kita kerana sistem perhambaan sudah tidak dilaksanakan seperti zaman dahulu. Tetapi ramai yang menjadi hamba kepada harta, wanita, undi, penyokong, dan syahwat untuk menjadi orang nombor satu. Apabila hendak menjadi pemimpin nombor satu, masing-masing telah diperhambakan. Mungkin perkara ini disebabkan oleh masalah sistemik. Sistem kita sendiri yang mendorong orang menjadi begitu. Berbeza dengan sistem beraja, keinginan untuk merebut kuasa itu tidak sehebat dengan sistem politik yang bertanding 5 tahun sekali untuk merebut kuasa. Ada juga syarat untuk berilmu. Sudah tentu, orang yang hendak memimpin ini mestilah orang yang berilmu dan tahu hukum-hakam Allah taala. Dalam realiti kini, di mana hendak mencari pemimpin yang alim dengan ilmu agama. Tetapi sekurang-kurangnya, pemimpin yang kita lantik itu hendaklah orang yang mahu mendengar nasihat orang alim. Itu adalah yang kedua terbaik. Jika dia tidak mampu menjadi orang alim sendiri, namun hal berkaitan agama, diam ahu patuh kepada nasihat dan panduan yang diberikan oleh alim ulama'. Hal ini secara realitinya kita perhatikan berlaku kepada kepimpinan sultan-sultan, raja-raja. Tuanku-Tuanku Sultan ramai yang cenderung untuk mendengar nasihat mufti. Dalam perkara agama, sultan-sultan kita merujuk kepada Mufti. Tetapi bagi orang politik, kadangkala agak menyedihkan. Terdapat dalam kalangan mereka yang merasakan bahawa mereka lebih pandai daripada mufti. Yang membodohkan dan menekan mufti juga ada. Jadi, sepatutnya orang sebegini tidak layak menjadi pemimpin kerana sudahlah ia sendiri tidak berilmu, malah dia tidak menghormati pandangan dan panduan yang diberikan oleh alim ulama'. Kemudian, perlulah ada keadilan. Maknanya, orang fasik tidak boleh menjadi pemimpin. Dalam realiti kita amat sukar untuk mencari orang yang betul-betul adil, tidak fasik, tidak melakukan dosa besar, yang melakukan dosa kecil secara berkekalan adalah sukar. Maka, mahu tidak mahu, kita terpaksa mengaplikasikan kaedah irtiqa ahof ad-darraraini, *choosing lesser of two in worst*. Jadi, jika sudah ada di hadapan kita ini tidak memenuhi ciri-ciri pemimpin yang ideal iaitu yang adil, sekurang-kurangnya janganlah kita ambil pemimpin yang sangat jahat, yang sangat memudaratkan, ambillah yang paling kurang mudarat dalam kalangan pilihan yang ada. Sekali lagi saya lihat, ini lebih mudah dijalankan dalam sistem beraja kerana saya difahamkan dalam sistem beraja, terdapat Majlis Kerajaan yang akan mencadangkan siapa yang akan naik menjadi sultan, terdapat kriteria yang akan dikaji dan dilihat karakternya, kerakyatannya, gaya pemikirannya dalam pentadbiran dan sebagainya bahkan bergerak ke

hadapan, kita mampu mempertimbangkan untuk memperkasakan Institusi Raja-Raja kita dengan menubuhkan akademi khas kepada yang dipercayai berpeluang menjadi raja. Mungkin dalam satu negeri, akan ada beberapa orang yang ada kemungkinan untuk naik menjadi raja atau sultan pada satu masa, dilatih dahulu dengan ilmu dunia dan ilmu agama. Dengan geo-politiknya, dengan *public relation*, ilmu-ilmu agama, akidah, fiqh dan tasawwufnya yang asas diberikan dalam akademi khas ini. Perkara ini boleh dipertimbangkan. Lebih mudah berbanding membentuk pemimpin politik yang dalam sistem sekarang mungkin kita katakana Tom, Dick and Harry boleh menawarkan diri mereka untuk menjadi pemimpin politik. Asalkan pandai berceramah, boleh membuat lawak, boleh meyakinkan orang maka orang mungkin mengangkatnya menjadi pemimpin walaupun tidak bersijil, walau sijil palsu sekalipun, masih boleh naik menjadi pemimpin dalam sistem kepimpinan politik. Kemudian, dalam sistem Islam, disyaratkan bahawa orang yang menjadi pemimpin itu hendaklah lelaki tetapi bagi peringkat yang lebih rendah, kepimpinan itu dibenarkan bagi wanita yang berkepakaran. Ini juga mungkin dari segi dunia kita sekarang akan dicabar terutamanya oleh golongan feminisme yang menganggap perkara ini sebagai merendahkan martabat wanita dan sebagainya. Kemudian, sudah tentu perlu ada keberanian, ketegasan, rasa cemburu dengan hukum Allah taala dilanggar dan sebagainya. Jadi, sekarang kita lihat kadangkala keberanian dan ketegasan itu sudah hilang, terumbang-ambing dibuai oleh niat untuk memancing undi. Sebab itu saya katakan masalahnya mungkin disebabkan oleh sistem yang mendorong natijah-natijah yang tidak positif. Kemudian, salah satu syaratnya adalah orang itu tidak gelojoh untuk mendapatkan kepimpinan. Dalam Islam, sepatutnya sesiapa yang meminta-minta, yang berkempen-kempen supaya diangkat menjadi pemimpin, jangan berikan kepimpinan kepadanya. Jadi, bagaimana dalam sistem sekarang hendak diaplikasikan? Memang masing-masing jika hendak menjadi pemimpin perlu berkempen, bukan setakat kempen menunjukkan kehebatan masing-masing malah menjatuhkan calon pemimpin yang lain. Kalau dalam Islam, memang dari awal sudah gagal. Mana mungkin kita memilih orang yang membuka aib saudaranya untuk menjadi pemimpin. Kemudian, dalam syarat terdahulu, pemimpin tersebut mestilah berbangsa Quraisy. Perkara ini memang tidak praktikal apalagi di negara kita ini. Tetapi pengajarannya, mengapa dahulu ditetapkan bangsa Quraisy, kerana negara Arab pada masa itu masyarakat menerima dan menganggap kaum Quraisy ini kaum yang diterima kepimpinannya. Maka, kita perlu kaji di negara kita ini orang yang dapat diterima kepimpinannya apabila dia memimpin. Jadi, ini bukan masalah Assabiyah atau racist, tetapi masalah mengambil masalah seorang pemimpin yang dilantik dan diterima oleh rakyat. Saya harap apa yang saya kongsiikan memberi manfaat. Saya serahkan kembali kepada tuan moderator.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (20:30 – 21:32)**

Terima kasih saya ucapkan kepada Ustaz Engku Ahmad Fadzil yang merupakan ahli jawatankuasa ilmunan Ahli Sunnah Wal Jamaah Malaysia Islam. Jadi, apabila menyebut tentang pemimpin pada hari ini boleh lihat bahawa ada benarnya seorang pemimpin itu perlu berkempen jika hendak memenangi undi sedangkan jika kita lihat secara rasionalnya, misalnya seorang individu biasa yang hendak memasuki sektor kerajaan perlu menduduki ujian tertentu seperti SPA, barulah layak untuk menjadi anggota kerajaan berbanding dengan ahli politik yang hanya berkempen sahaja dan apabila undi telah cukup, mereka boleh diserap menjadi anggota kerajaan.

Jadi, untuk soalan yang seterusnya kita hendak menjemput Tuan Ahmad Yazid Othman yang merupakan Felo Kanan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu Bersatu Bhd (MTEM).

***Soalan: Bagaimana dengan keadaan hari ini apabila ahli politik ini lebih berpolitik daripada menangani masalah rakyat. Apa pendapat Tuan Yazid tentang situasi yang perkara yang berlaku kepada rakyat Malaysia pada hari ini? Silakan.***

**Tuan Ahmad Yazid Othman (ahli panel) = (21:32 – 36:50)**

Terima kasih tuan moderator. Yang pertama, saya mengucapkan terima kasih kepada Demi Maliau kerana sudi menjemput dan salam perjuangan saya ucapkan kepada Profesor Datuk Mahamad Naser Disa, dan juga Ustaz Engku, satu pencerahan yang amat baik tentang ciri-ciri pemimpin yang kita perlu dalam negara kita. Pemimpin itu perlu Islamik dan mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Jadi, jika kita bercakap tentang pemimpin, kita akan bercakap tentang ahli politik dalam sistem demokrasi. Kita tidak lagi mengamalkan sistem-sistem yang lain seperti pemerintahan beraja mutlak, sistem diktator dan sebagainya. Waima di negara China mempunyai sistem yang berbeza. Mereka mengamalkan komunisme di mana hanya satu parti sahaja yang memerintah. Hanya satu pihak sahaja yang layak memimpin. Jadi, dalam konteks kita ini, tentang ahli politik yang lebih berpolitik daripada mementingkan rakyat. Pertama sekali, kita perlu tanya, untuk apa mereka berpolitik? Realitinya, mereka berpolitik untuk menentukan bahawa mereka mewakili kuasa yang dizahirkan melalui undi-undi. Oleh itu, mereka menganggap bahawa mereka mewakili kepentingan rakyat, wakil rakyat, kerana telah dipilih oleh rakyat. Jadi, persoalannya sekarang kenapa persepsi yang telah terbina sejak beberapa bulan ini iaitu ahli politik lebih berpolitik daripada menangani masalah. Hal ini kerana buat pertama kali negara kita tidak mempunyai mana-mana kumpulan yang mempunyai majoriti yang kukuh, jadi mereka perlu membuat satu gagasan-gagasan dan kondisi-kondisi untuk menggambarkan kepada Yang di-Pertuan Agong dan juga kepada rakyat bahawa mereka mewakili majoriti rakyat. Jadi, apabila perkara ini berlaku, saya hendak berlaku adil kepada ahli politik juga, kerana untuk mereka kekal mendapat kuasa atau keabsahan kuasa itu atau persepsi kuasa itu di tangan mereka, maka mereka perlu menggambarkan mereka mempunyai sokongan yang cukup. Sekiranya tiada sokongan yang cukup, ahli politik akan sentiasa terpaksa untuk berjuang mempertahankan keabsahan mereka sebagai pemimpin yang disokong rakyat dan pada yang sama tidak ada sesiapa yang dapat mempersoalkan pandangan Yang di-Pertuan Agong bahawa kerajaan ini mempunyai majoriti yang cukup dan diterima oleh semua. Jadi, sekiranya mereka gagal, akan memberi dua kesan. Pertama, mereka tidak lagi boleh mengatakan bahawa mereka dipilih oleh rakyat, yang kedua akan memberi konotasi yang negatif terhadap pandangan Yang di-Pertuan Agong. Jadi, ini merupakan antara perkara yang terpaksa mereka lalui untuk terus memimpin. Masalahnya ialah penukaran ini berlaku selepas pilihanraya yang lepas selepas 22 bulan. Jadi, musuh lama menjadi sahabat, sahabat menjadi musuh dan sebagainya. Oleh sebab itu, saya terpaksa memberi sedikit benefit in the doubt, bahawa perkara ini adalah satu keperluan pada pandangan mereka. Jadi, apa yang berlaku sekarang, mengapa mereka masih berpolitik sedangkan kerajaan telahpun tertubuh adalah kerana dalam kondisi itu sendiri mereka masih mempunyai perbezaan pendapat. Jadi, kekecewaan rakyat dapat kita lihat apabila terdapat ugutan-ugutan dan serangan dalam kerajaan itu sendiri walaupun mereka telah bersetuju untuk

membentuk kerajaan, masih tidak habis-habis dan ia digambarkan disebarkan dalam pelbagai media khususnya di sosial media dan apabila rakyat inginkan kerajaan yang fokus membantu rakyat, dan kita lihat ahli politik masih berlumba-lumba cuba mengubah komposisi kerajaan, hal ini memberikan persepsi bahawa bagaimana kerajaan hendak fokus kepada rakyat jika hari-hari hanya berfikir tentang cukupkah kerusi parlimen saya? Tambahan pula, dalam beberapa bulan yang lepas, kerajaan juga menetapkan pengundi darurat. Pada amatan saya, sudah pasti rakyat tidak kisah tentang darurat ini kerana realitinya parlimen tidak mampu mengubah nasib mereka dalam keadaan pandemik ini. Perkara yang rakyat mahukan sekiranya darurat berlaku, apakah kerajaan akan lakukan dengan menggunakan kuasa darurat itu untuk melakukan sesuatu yang mustahil sekiranya tidak ada darurat dan memberikan kepentingan yang jelas kepada rakyat. Tetapi nampaknya kerajaan tidak mampu dan tidak mahu menggunakan kuasa darurat tersebut sedemikian atas sebab-sebab tertentu. Maka, mereka berpendapat bahawa tidak perlu menggunakan darurat sedemikian rupa. Ini menimbulkan polemik tentang apa yang kita dapat apabila kita melakukan darurat? Jadi, sedikit sebanyak kita mahukan adalah penggunaan kuasa darurat untuk menentukan bagaimana kita boleh mencadangkan atau mengadakan solusi kepada masalah rakyat. Antara contohnya yang sering dibincangkan adalah menggunakan kuasa darurat untuk memaksa bank-bank untuk mengikut arahan dan telunjuk Kementerian Kewangan secara terus dan bukan lagi tertakluk kepada arahan Bank Negara untuk memudahkan kita memastikan kita meletakkan syarat-syarat moratorium, nilai faedah yang ditetapkan dan sebagainya kerana kita dalam suasana pandemic yang bermasalah dan kita mengharapkan suasana yang sebegitu rupa. Kita juga mengharapkan bahawa dengan adanya kuasa darurat, raja mampu menggunakan kuasanya untuk menggerakkan segala yang ada di dalam negara. Contohnya, selain daripada institusi kewangan, darurat juga boleh digunakan untuk mengambil alih aset-aset untuk menukarkan fungsi bangunan. Banyak bangunan dan hotel-hotel kosong sekarang ini, yang kita gunakan sebagai pusat kuarantin dan sebagainya. Menggunakan kuasa darurat dan bukannya menggunakan kuasa yang ada sekarang. Ini sedikit sebanyak memudahkan kerajaan memerintah secara keras dan jelas memastikan kita mampu menangani pandemik ini dengan lebih berkesan. Tetapi, kelihatan seperti kerajaan tidak mahu menggunakan kuasa itu. Selain itu, kerajaan juga mampu menggunakan kuasa darurat untuk mengambil alih mana-mana aset yang diperlukan. Contohnya, mereka boleh mengambil alih pada kadar tertentu, hospital-hospital swasta yang juga terkesan akibat pandemik ini untuk menjadi pusat-pusat hospital sokongan kerajaan dan tidak perlu menggunakan saluran-saluran yang perlu mempunyai regimen di antara kerajaan dan swasta tetapi lebih menggunakan kuasa darurat untuk memaksa mereka semua bekerjasama dalam keadaan begitu. Jadi, apabila kerajaan tidak fokus kepada strategi-strategi itu, dan dalam masa yang sama kita melihat bantuan-bantuan tidak mencapai kehendak dan keperluan rakyat dan kes semakin meningkat, timbullah persepsi ahli politik ini tidak fokus kepada kerja tetapi lebih kepada memastikan posisi mereka. Tetapi mereka memerlukan kuasa untuk terus berkhidmat kepada rakyat. Mereka perlukan keabsahan ini untuk terus bertindak. Cuma, logiknya apabila kita dalam satu krisis pengurusan, kita tidak boleh fikirkan tentang punca kuasa itu, isu punca kuasa itu tidak patut timbul. Yang perlu timbul adalah apa yang perlu dilakukan? Kita juga perlu tahu apakah kesan daripada semua perkara yang kita adakan untuk rakyat? Jika kita lihat, kebanyakan masalah rakyat adalah tidak ada simpanan yang cukup. Data menunjukkan pada tahun 2017 bahawa 70% rakyat hanya mempunyai 1000 ringgit. Jadi, jika

kerajaan hari ini memahami data ini, bagaimanakan mereka boleh melakukan strategi yang hanya memberi wang yang cukup sedikit sedangkan jika kita lihat pada data beberapa bulan yang lepas mengikut kes yang meningkat, *lockdown* atau PKP ini akan berlangsung lebih daripada 3,4 bulan. Itu persoalan yang akan ditanya oleh rakyat. Jika sudah dilihat sedemikian, sudah pasti rakyat akan bertanya bagaimana simulasi bantuan itu disusun oleh kerajaan selari dengan keperluan rakyat, kadar vaksinasi dan bilakah kita mencapai tahap yang diinginkan untuk kita membuka ekonomi? Jadi, ini menimbulkan satu persoalan. Selain itu, jika kita lihat terdapat kelompongan dari segi jarak. Kita melihat seolah-olah kerajaan suka menerangkan bahawa mereka telah membantu rakyat dalam jumlah-jumlah besar. Realitinya, jumlah besar itu tidak penting sekiranya tidak mampu mencapai sasaran atau keberhasilannya bukan diadili melalui jumlah yang kerajaan tetapkan secara total, tetapi berapa ramaikah isi rumah yang mendapat bantuan itu dan adakah bantuan itu betul-betul sampai? Berapa ramai orang yang dapat? Itu merupakan soalan yang sering gagal dijawab dengan berkesan. Jika kita lihat dalam laporan yang terkini, hanya beberapa ribu sahaja usahawan yang mendapat bantuan daripada BSN. Mana mungkin itu keberkesanan yang ditawarkan oleh kerajaan, Jadi, kerajaan sendiri melihat data itu seharusnya pergi ke bawah dan melihat di mana kurangnya? Mengapa kumpulan ini marah? Mengapa kumpulan ini *complain*? Bukan semuanya berkaitan dengan sentimen politik semata-mata. Jadi, lumrahnya apabila perkara ini berlaku, memang ramai ahli politik akan mengambil kesempatan. Mereka akan cuba memainkan perasaan rakyat, dan menimbulkan kebencian rakyat kepada kerajaan. Ini lumrah sistem politik kita. Sistem politik kita berlumba-lumba untuk mendapatkan kuasa, dan bukannya berlumba-lumba untuk berkhidmat untuk rakyat dan mendapatkan redha Allah. Kuasa ini syarat untuk melakukan semua ini dan kita tertakluk kepada pandangan alam dan pendapat pemimpin ketika itu dan siapakah yang menasihati beliau. Jadi, harapan kita di sebalik ahli politik tetap berpolitik, persoalannya, rakyat perlu tahu apakah yang diharapkan dan perlu disampaikan. Kerajaan perlu tanya kepada rakyat, cukupkah apa yang telah dilakukan untuk rakyat? Cepatkah tindakan kerajaan? Memadakah apa yang dilakukan oleh kerajaan untuk rakyat? Adakah rakyat merasakan sumbangan yang kerajaan berikan. Jika tidak, kerajaan perlu mengenalpasti di manakah silapnya? Adakah dari segi komunikasi, jumlah, sistem atau struktur. Ini yang lebih penting daripada kita melihat jumlah yang besar dalam data sedangkan setiap isi rumah misalnya kerajaan hanya memberikan RM500 ke RM1000 kepada dan khas prihatin kepada PKS. Dalam PKS, minimum terdapat 3 ke 4 orang pekerja. Jika diberikan RM500 sebulan, bagaimana mereka hendak lakukan? Apa yang boleh mereka lakukan dengan RM500 sebulan? Saya pasti banyak PKS yang terpaksa melepaskan pekerjaan. Jika kita lihat data terkini seperti yang saya dapati daripada Dewan Perniagaan, hampir 60 peratus mengatakan akan gulung tikar. Kerajaan perlu bertanya adakah jumlah yang ditawarkan cukup dan cepat sampai dan adakah akan bertahan kerana realitinya kita akan menghadapi keadaan ini sehingga kes mencapai 2000. Persoalan ini memberikan gambaran seolah-olah ahli politik lebih berpolitik daripada melihat masalah rakyat tetapi untuk berlaku adil, saya rasa kerajaan hari ini mempunyai keinginan untuk membantu rakyat. Namun, antara mereka dan parti-parti yang dianggotai oleh mereka sering menimbulkan keresahan ini dan mengambil peluang daripada kelemahan-kelemahan yang saya sebutkan tadi, dan ini perlu dihentikan seketika. Jika ahli politik dapat memberikan tunjuk ajar dan solusi, sedikit sebanyak kita tidak akna membicarakan siapa yang patut menjadi Perdana Menteri tetapi apa yang patut dilakukan oleh Perdana Menteri



dan ini lebih baik dan menggambarkan ketulusan dan keikhlasan pemimpin itu untuk berjuang untuk rakyat. Rakyat-rakyat akan menilai. Jadi, saya rasa perlu ubah sikap sementara kita tukar masalah sistem kita. Sekurang-kurangnya ahli politik berada di posisi kita dan saya pasti rakyat akan sudi menilai pada waktu dan ketikanya. InsyaAllah. Saya rasa berhenti di sini dahulu, sudah memadai. Terima kasih.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (36:52 – 38:00)**

Terima kasih diucapkan kepada Tuan Ahmad Yazid Othman atas pandangan bagi soalan tadi. Jadi, sebelum beralih kepada Prof Mahamad Naser Disa, kita ingin bacakan dulu antara komen-komen daripada pengguna Facebook. Daripada Ahlam Sahel, "Parti-parti politik yang sedia ada terikat dengan norma lama, tidak mampu berfikir kritikalnya keadaan sekarang." Dan daripada Norizan Mohamed Said, "Daripada perspektif rakyat, ahli-ahli politik meletakkan diri mereka dahulu dan bukannya sebaliknya. Mereka mewakili rakyat tetapi seolah-olah mereka tidak hiraukan apa yang rakyat mahu dan apa yang rakyat perlukan untuk menghadapi kehidupan seharian." Jadi, untuk soalan yang seterusnya kita hendak beralih kepada Profesor Datuk Mahamad Naser Disa, Profesor Industri Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

***Soalan: Baik, apa pandangan Prof apabila kita mendengar komen-komen daripada Tuan Yazid dan Ustaz Engku tadi? Adakah sudah tiba masanya untuk mencari satu alternatif kepimpinan yang baharu selain daripada sistem politik yang sedia ada kini? Silakan Prof. 38.00***

**Profesor Datuk Mahamad Naser Disa (ahli panel) = (38:02 – 56:55)**

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum w.b.t. (Bacaan doa). Terima kasih kepada penganjur dan juga tuan moderator. Ahlan wasahlan kepada rakan-rakan panelist. Syukur kepada hadart Allah SWT kerana telah diberi peluang dalam keadaan pandemik ini pun kita masih lagi hak kebebasan untuk menyampaikan atau menyuarakan pandangan kita dan boleh disifatkan sebagai elemen utama dalam demokrasi ini sebagai *check and balance*. Ini yang sering disuarakan oleh ahli-ahli politik yang menyatakan bahawa apabila parlimen ditutup, tidak ada sebarang *check and balance*. Sya tidak pasti sejauh mana tepatnya dikatakan bahawa demokrasi mati apabila negara ini diisytiharkan sebagai darurat. Tetapi, satu perkara yang perlu saya sebutkan di sini bahawa politik di negara kita ini adalah tentang populariti. Ahli-ahli politik di negara kita sibuk mencari populariti tidak kiralah untuk membuktikan bahawa dirinya baik atau hebat dalam mempertahankan dan memperjuangkan hak rakyat, atau dirinya hebat dan kuat untuk mempertahankan kedaulatan negara. Jadi, nilai seorang ahli politik yang baik dan berjaya di negara kita ini amat subjektif. Jika kita lihat kepada kecintaan kita terhadap negara, maka kita lebih menyanjung ahli politik yang berjuang dan berusaha untuk memelihara kedaulatan negara. Tetapi, jika satu pihak lebihkan demokrasi, maka dia menganggap bahawa kepentingan rakyat diutamakan. Perjuangannya demi rakyat, untuk rakyat. Perkara ini sering dikatakan seolah-olah negara kita ini adalah negara demokrasi mutlak. Sama ada kita memerlukan satu alternatif baharu dalam sistem pemerintahan di negara kita, saya rasa kita tidak memerlukan satu sistem yang baharu. Kita hanya perlu melakukan satu transformasi politik dan transformasi fikiran. Pertama sekali, kita perlu perbetulkan kefahaman rakyat, ahli politik berkaitan dengan jati diri negara kita.

Adakah negara kita negara demokrasi mutlak? Sebenarnya, dalam Perlembagaan negara kita tidak ada istilah demokrasi pun. Negara kita bukan negara demokrasi mutlak. Istilah monarki pun tidak ada, tetapi ketua tertinggi negara kita ialah raja-raja atau Yang di-Pertuan Agong dan bukannya Perdana Menteri. Tetapi artikel 40 meletakkan Yang di-Pertuan Agong itu bertindak mengikut nasihat daripada Perdana Menteri, ahli kabinet dan pihak-pihak mana yang ditentukan oleh undang-undang. Jadi, selain daripada kita memahami Perlembagaan, kita juga perlu memahami sejarah. Ini yang menjadi masalah kepada kita pada hari ini. Sesetengah orang cuba memahami sejarah tetapi memanipulasikannya, manakala sesetengah orang cuba memahami sejarah tetapi dia memahaminya daripada pendekatan perjuangan atau pemikirannya. Ini merupakan satu cabaran yang besar dalam politik negara kita pada hari ini. Saya ingin mengemukakan cadangan bahawa kita sangat perlu menghayati apa yang kita sebutkan sebagai Rukun Negara. Kegagalan kita untuk memahami dan menghayatinya, akan menyebabkan kecelaruan politik yang amat mencabar terutamanya pada alaf baharu ini daripada tahun 2000 sehingga kini. Pertama sekali, jika kita lihat dari segi kepercayaan kepada Tuhan, saya hendak kupaskan prinsip Rukun Negara kerana bagi saya apabila ahli politik, rakyat dan aktivis-aktivis NGO tidak memahami Rukun Negara, maka negara kita akan menjadi kucar-kacir. Aspek kepercayaan kepada Tuhan ini sangat penting kerana antara rakyat dengan Tuhan, mana yang lebih memiliki kedaulatan? Adakah kedaulatan negara kita ini milik Allah atau rakyat? Negara yang sosialis, komunis atau demokrasi mutlak, rakyat diutamakan. Tetapi dalam negara kita, demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan, sebenarnya kita meletakkan ketinggian Allah SWT itu. Mungkin ada sesetengah pakar-pakar perlembagaan tidak mempercayai perkara ini, tetapi sebenarnya memang ada dalam artikel 37 (1) Perlembagaan negara kita, ketua tertinggi negara, Yang di-Pertuan Agong diwajibkan oleh perlembagaan untuk bersumpah dengan nama Allah iaitu “Wallahi, Wabillahi, Watallahi”. Maknanya, ketua tertinggi yang mewakili negara kita meletakkan dirinya subjek kepada Allah SWT. Jadi, seperti apa yang disebutkan oleh Ustaz Engku itu tadi, ketinggian dan ketuanan dalam sesebuah negara itu adalah Allah. Dalam Perlembagaan tidak menyebutkan bahawa negara kita merupakan negara Islam, tetapi ada menyebut bahawa agama bagi persekutuan ini ialah Islam dan Yang di-Pertuan Agong mesti mengikat dirinya dengan Allah SWT. Kepercayaan kepada Tuhan yang kita letakan dalam Rukun Negara itu, untuk meraikan orang yang bukan Islam, maka kita letakkan secara umum perkataan ‘Tuhan’. Maknanya dari segi rakyat, bebas untuk kita mempercayai Tuhan. Orang Islam mempercayai Allah SWT, bagi orang bukan Islam, maka mereka percaya Tuhan mereka sendiri. Tetapi dalam konteks pentadbiran negara, negara ini sebenarnya berpegang terhadap Allah SWT. Perkara inilah yang tidak difahami oleh rakyat dan ahli politik dan sesetengahnya ditolak oleh ahli-ahli politik termasuk ahli politik yang baharu dan muda. Mereka enggan menerima dan menghormati hakikat ini bahawa Yang di-Pertuan Agong perlu bersumpah. Ini merupakan pemahaman yang kita perlu ada apabila kita memahami Rukun Negara yang pertama iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan. Sumpah Rabbani iaitu “Wallahi, Wabillahi, Watallahi”. Kemudian Sumpah Rabbani ini ada dua perkara. Pertama Yang di-Pertuan Agong bersumpah untuk memelihara kedaulatan undang-undang. Yang kedua, memelihara agama Islam. Jadi, mengapa dalam negara kita sejak merdeka, zaman UMNO hingga kini, kita hanya berfokus kepada kedaulatan undang-undang? Kita tidak pernah berfokus kepada kedaulatan Hifzu ad-Din. Memelihara kedaulatan agama Islam

pada setiap masa itu ialah Hifzu ad-Din. Tetapi perkara ini tidak pernah disebutkan malah dalam kalangan ahli politik langsung tidak tahu menyebut Hifzu ad-Din sedangkan itu sumpah bai'ah dan Rabbani kita. Ahli politik hanya sibuk menyebut tentang kedudukannya, kawasannya dan sebagainya tetapi dari segi memelihara agama Islam dan Hifzu ad-Din itu tidak begitu difahami. Bagi orang bukan Islam, jika dia tidak mempercayai Allah sekalipun, dia perlu menghormati bahawa negara ini percaya kepada Allah. Jangan biadap dan sebagainya. Apabila Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang mengatakan bahawa kerajaan ini merupakan kerajaan Allah, perkara itu benar. Perkara itu berdasarkan kepada Perlembagaan. Istilah kerajaan Allah ini tepat mengikut Perlembagaan manakala pihak pembangkang yang mempersendakan kerajaan adalah orang yang tidak taat setia kepada raja. Hal ini berkaitan dengan prinsip yang kedua iaitu Kesetiaan Kepada Raja dan Negara. Raja bersumpah memelihara agama Islam tetapi ramai ahli politik menggunakan Islam-bashing, Islamophobia menggunakan pemikiran daripada Amerika Syarikat dan evangelist. Menerbitkan bukunya yang bertajuk *Becoming Hannah* yang menegakkan kerajaan Jesus. Dalam Perlembagaan menegakkan kerajaan Allah, kerajaan yang meletakkan ketinggian Allah SWT, dan bukannya kerajaan Jesus, Jadi, jika dia menyeru dan menggunakan kedudukan politiknya untuk menegakkan kerajaan Jesus, dia sebenarnya menderhaka dan tidak taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong. Bagaimana sebuah parti politik yang menderhaka kepada Yang di-Pertuan Agong dibiarkan hidup begini? Dibiarkan hidup dengan menegakkan Subang for Jesus, Kuala Lumpur for Jesus, Johor for Jesus, perkara ini salah. Perkara ini merupakan sebuah *offense under the state*. Tidak boleh dalam satu keadaan ahli politik dalam negara ini bercita-cita atau merancang untuk meletakkan ketinggian Jesus dalam negara kita. Jadi, ini yang menjadi cabaran dalam negara kita. Begitu juga sekiranya seseorang yang bukan Islam bercadang untuk meletakkan agamanya, perkara ini bertentangan dengan sumpah Yang di-Pertuan Agong dan ketaatan kepada raja dan negara. Dari segi sejarah, kita perlu ingat, kenapa kita setia kepada raja dan negara? Kita jangan ingat bahawa negara ini dibentuk hanya selepas Malayan Union. Kita perlu ingat bahawa pejuang raja dan pejuang-pejuang Melayu menentang penjajahan daripada zaman keruntuhan Melaka pada tahun 1511 sehingga 1957, sehingga tertegaknya kerajaan persekutuan Malaysia. Ini merupakan 450 tahun perjuangan yang dilakukan oleh raja-raja Melayu dan pejuang-pejuang Melayu untuk menegakkan kesultanan Melayu Islam ini. Kerana itulah orang Melayu meletakkan kesetiaan kepada raja dan negara sehingga hari ini. Jangan biadap kepada raja dan sejarah kita kerana perjuangan yang dilakukan oleh orang Melayu dan Islam untuk menegakkan politik Malaysia pada hari ini adalah berteraskan kepada jihad. Bagaimana jihad anak-anak raja di Kedah misalnya, bagaimana Tengku Kudrin berlawan dengan Siam. Telah syahid dan kepalanya dipenggal dan dibawa pulang ke Bangkok. Ini perjuangan terdahulu. Masalah kita dengan pakar-pakar sejarah kita seringkali menyatakan bahawa Malaysia ini terwujud hanya selepas Malayan Union. Kita jangan ingat begitu sahaja. Kita lihat juga bagaimana Raja Ali Haji bertempur, bagaimana Sultan Ibrahim daripada Selangor, bagaimana anak-anak Sultan Melaka berjuang untuk menghidupkan semula Kesultanan Melaka dan Alhamdulillah sehingga hari ini Kesultanan Melayu Islam masih kekal walaupun Khilafah Uthmaniyyah telah jatuh 100 tahun dahulu, dan politik kita pada hari ini bukan politik teo-demokratik atau sebuah negara republik tidak seperti Indonesia, Singapura dan India. Kita adalah Kesultanan Melayu Islam yang masih kekal daripada zaman Melaka sehingga kini. Ini perkara kedua yang perlu kita fahami. Yang ketiga, keluhuran

perlembagaan. Jika Perlembagaan telah meletakkan agama Islam sebagai agama negara, mengapa ahli politik kita memutarbelitkan dan meletakkan Islam itu hanya sebagai agama rasmi sebaliknya mengatakan bahawa kita adalah sekular? Ini merupakan satu penghinaan kepada Perlembagaan. Kita hanya mengatakan keluhuran perlembagaan tetapi tidak menghayatinya. Disebabkan negara kita negara berdemokrasi, kita hanya meletakkan kepentingan kepada *human right* atau hak manusia. Perkataan *human right* tidak ada dalam Perlembagaan. Yang ada hanyalah *fundamental liberties*. *Fundamental liberties* ini semuanya adalah subjek kepada moraliti, agama public law dan public health. Tidak ada kebebasan mutlak. Sebagai contoh, bagaimana SUHAKAM hendak mewujudkan jantina yang ketiga, mereka membuat kajian. Jantina ketiga ini adalah seperti lelaki suka kepada lelaki iaitu *gay* manakala perempuan suka kepada perempuan iaitu *lesbian*. Dua jenis ini adalah penjenayah. Hubungan seks antara lelaki dan lelaki adalah pesalah di bawah seksyen 377. Saya belum bercakap tentang syariah lagi, saya bercakap tentang *civil*. Jadi, bagaimana penjenayah ini diiktiraf sebagai satu jenis jantina baru? Jadi, apa yang dibuat oleh SUHAKAM itu jelas tidak menghormati keluhuran perlembagaan. Itu baru keluhuran perlembagaan, belum kedaulatan undang-undang lagi. Sebagai contoh, isu rasuah. Bagaimana ahli politik menghormati undang-undang? Undang-undang kita mengharamkan rasuah. Bagaimana penguatkuasaan tentang rasuah ini dapat dilakukan dengan berkesan? Bagaimana kita menghormati undang-undang? Bagaimana kita menghayatinya? Yang kelima, kesopanan dan kesusilaan. Hari ini kita nampak bagaimana bukan sahaja generasi muda, malah yang dalam parlimen sendiri bergaduh dan sebagainya. Di manakah kesopanan dan kesusilaan? Ada juga yang tidak beradab dengan raja-raja. Ini yang menjadi masalah kepada kita, kesopanan dan kesusilaan ini tidak dihayati. Dalam kalangan masyarakat kita hari ini, sikap hormat-menghormati itu tiada. Jadi, jika dalam kalangan ahli politik tidak menghayati Rukun Negara ini, bagaimana kita hendak mengekalkan satu politik yang harmoni? Sangat sukar untuk kita mendapatkan suasana politik pada zaman Tun Abdul Razak dahulu sedangkan selepas 13 Mei 1969, Tun Abdul Razak memperkenalkan Rukun Negara ini dan berdasarkannya, orang Melayu, Cina dan India duduk dalam sebuah kerajaan yang aman damai walaupun selepas pertelingkahan. Tetapi apabila Rukun Negara ini tidak dihormati dan dihayati, maka kita kembali kepada keadaan sekarang. Mungkin saya akan huraikan dalam pusingan kedua tentang kegiatan-kegiatan yang bersifat penderhakaan kepada negara kita yang tidak ditangani secara efektif oleh badan-badan penguatkuasaan undang-undang. Wallahualam. Assalamualaikum w.b.t.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (56:56 – 57:54)**

Walaikumussalam w.b.t. Jadi, sebelum masuk ke pusingan yang kedua, kita hendak bacakan beberapa komen daripada penonton Demi Maliau. Antaranya Muhammad Lutfi, “Agama Islam secara tidak langsung akan melindungi rakyat dan negara, selagi mana pemimpin negara dan rakyat bersama-sama menjaga agama Islam.” Dan daripada Mohamad Said Mohd, “Apabila rasuah dijadikan pokok untuk naik sebagai pemimpin, maka perlembagaan negara diletakkan nombor 10. Angkat sumpah hanya ucapan mainan sahaja.” Jadi, untuk pusingan yang seterusnya, kita hendak tanyakan kepada Ustaz Engku Ahmad Fadzil.

***Soalan: Walaupun Islam ini merupakan agama persekutuan, tetapi kita boleh katakan bahawa sehingga ke hari ini, kita tidak nampak peranan ulama’ yang bebas daripada politik***

***kepartian terlibat dalam pentadbiran negara sedangkan jika kita lihat semula kepada sejarah sebelum Melayu mencapai kemerdekaan, tokoh-tokoh agama banyak melibatkan diri dalam perjuangan memerdekakan Tanah Melayu. Silakan Ustaz.***

**Ustaz Engku Ahmad Fadzil (ahli panel) = (57:58 – 1:11:57)**

Bismillah (bacaan doa). Bercakap tentang peranan ulama' dalam sistem politik kita pada hari ini, mungkin perkara yang menjadi penghalang kepada sebahagian ulama' untuk bergiat aktif dalam dunia politik, adalah kerana sistem politik itu sendiri tidak membenarkan mereka menceburkan diri untuk mempertahankan pendirian. Itu merupakan masalahnya. Bukan para ulama' tidak mahu berjuang, tetapi sistem itu menyebabkan sukar untuk berjuang tanpa platform politik. Apabila berjuang di atas satu platform politik, akhirnya platform itu pula yang seolah-olah menjadi tujuan, seolah-olah menjadi agama baharu. Parti politik yang menjadi agama, maka ahli-ahli politik walau ulama' sekalipun perlu mengutamakan kepentingan parti mengatasi kepentingan-kepentingan yang lain. Maka, walaupun misalnya keputusan parti daripada penilaian ulama' itu bercanggah dengan hukum atau tetapan syarak, tetapi atas nama taat kepada parti, maka dia terpaksa diamkan. Jadi, ulama'-ulama' yang hendak mencari redha Allah SWT tidak mahu terlibat dengan perkara sedemikian. Maka, mungkin sebahagian memilih untuk berada di belakang tabir, menjadi penasihat kepada ahli-ahli politik. Jadi, kita mungkin perlu kembali kepada sikap ahli-ahli politik pada zaman dahulu misalnya ahli politik yang memimpin dalam Khilafah Uthmaniyyah. Pada awal kepimpinan mereka, kita dapat katakan bahawa pemimpin mereka itu mempunyai mursyid, mempunyai satu orang alim yang membimbing bukan sahaja syariatnya, bahkan membimbing dari segi rohani. Memberi kekuatan dari segi kebersihan hati supaya tidak terpedaya dengan tipu daya dunia. Jadi, jika betul-betul mahukan ulama' berada dalam pentadbiran, maka sistem yang bermasalah ini perlu diperbetulkan. Paling tidak, seperti yang saya janjikan tadi, sudut ketiga untuk kita memilih pemimpin berdasarkan realiti hari ini, pertama saya telah huraikan apa yang disebut dalam ayat 26 Surah 28 iaitu al-Qasas iaitu al-Qaqiyyu al-Amin, mempunyai kekuatan dan Amanah. Yang kedua ialah ciri-ciri yang ditetapkan dalam kitab al-Ahkamu as-Sultaniyyah, hukum-hukum berkaitan pemerintahan. Yang ketiga, dari sudut Perlembagaan Persekutuan, Datuk Naser telah sebutkan tadi. Bahasa asal Perlembagaan kita adalah dalam Bahasa Inggeris. Memang ada yang diterjemahkan dalam Bahasa Melayu, tetapi jika berlaku konflik dalam memahami makna sebenar, dirujuk kepada teks asal iaitu Bahasa Inggeris iaitu Islam adalah agama bagi persekutuan. Tidak ada yang disebutkan sebagai *official religion* seperti apa yang selalu bermain di bibir sebahagian ahli politik iaitun Islam ialah agama rasmi. Perkara ini seolah-olahnya negara kita mempunyai banyak agama. Dalam banyak-banyak agama di negara ini, Islam adalah agama yang rasmi. Apabila menyebut Islam sebagai agama persekutuan, hal ini bermaksud satu-satunya agama di negara kita ialah Islam. Tidakkah dalam negara kita ada agama-agama lain? Ya, agama lain tidak diganggu dan tidak dikacau. Agama itu semua adalah agama peribadi. Jadi, apabila agama Islam adalah agama persekutuan, yang hendak dilantik sebagai pemimpin adalah sekurang-kurangnya orang yang mengiktiraf apa yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa Islam merupakan satu-satunya agama negara kita. Ini memberi kesan misalnya Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memberi jaminan kebebasan untuk masing-masing mengamalkan agama masing-masing. *Every person has the right to profess and practise and propagate his religion.* Dia ada hak untuk

berpegang dan mengamalkan agamanya bahkan boleh mendakwah agamanya kepada orang lain. Tetapi, setiap orang di Malaysia bebas mendakwah agamanya tertakluk kepada klausa 4. Jadi, saya hairan pada masa kerajaan PH memegang tampuk pemerintahan dahulu, mantan Menteri Pendidikan kita, Dr Mazli mengeluarkan kenyataan yang memberikan nasihat beliau kepada guru-guru yang mengajar di Sarawak, katanya, sebagai galakan menyuruh mereka pergi dan menganggapnya sebagai usaha dakwah. Kemudian ada pertubuhan di Sarawak yang marah dengan kenyataan menteri tersebut sehingga Menteri terpaksa menjelaskan bahawa maksudnya adalah dakwah sesama Islam. Bagi saya, sebenarnya tidak perlu bagi Menteri tersebut untuk memperbetul dan menjelaskan kenyataannya kerana hak untuk mendakwah agama Islam terjamin dalam Perlembagaan. Cuma Klausa 4 menyatakan bahawa hak untuk berdakwah itu boleh tertakluk dalam undang-undang jika dakwah itu dilakukan kepada orang yang beragama Islam. Jadi, undang-undang negeri dan undang-undang persekutuan boleh menyekat dakwah mana-mana doktrin agama atau kepercayaan yang dilakukan dalam kalangan orang yang beragama Islam. Jadi, Islam sebagai agama negara itu dilindungi dengan kuasa undang-undang. Berbeza dengan agama-agama yang lain. Kemudian, Perkara 12(2), walaupun setiap kumpulan agama ada hak untuk menubuhkan institusi pelajaran untuk anak-anak mereka sendiri, tetapi bagi Islam adalah istimewa. Adalah satu perkara yang sesuai dan selari dengan undang-undang bahawa kerajaan persekutuan atau negeri menubuhkan atau membantu menubuhkan atau menjaga mana-mana institusi Islam dan bahkan agama dalam mana-mana institusi dibenarkan dan tidak diganggu, tetapi satu-satunya yang dibenarkan menggunakan duit negara atau negeri adalah institusi Islam. Jadi, kita hendak pemimpin yang boleh mengenalpasti pemimpin yang ada keberanian untuk mempertahankan perkara ini. Jangan pilih pemimpin yang hanya kejar populariti, mendapatkan undi kerana akhirnya mereka akan memberikan keistimewaan itu kepada agama-agama lain dengan tujuan untuk memancing undi. Kita tidak mahu pemimpin seperti ini kerana keluhuran perlembagaan itu tidak diraikan. Kemudian, Datuk Naser telah sebutkan tadi, Perkara 37(1), Yang di-Pertuan Agong sebelum melaksanakan fungsi-fungsi baginda sebagai ketua tertinggi negara, hendaklah bersumpah di hadapan Majlis Raja-Raja dan Ketua Hakim Negara iaitu sumpah yang ada di dalam jadual 4. Walaupun Perlembagaan Persekutuan ini asalnya dalam bahasa Inggeris, tetapi bahasa asal Jadual 4 adalah dalam Bahasa Melayu. Jadi, saya ambil setakat yang relevan sahaja iaitu “Kami (Nama Yang di-Pertuan Agong) bersumpah dengan melafazkan Wallahi, Wabillahi, Watallahi.” Jadi, saya sangat tidak bersetuju dengan orang-orang yang atas pertimbangan politik, melabelkan Perlembagaan kita sebagai Perlembagaan sekular. Saya tidak kata Perlembagaan kita sempurna, ia merupakan buatan manusia, pasti ada kekurangan. Tetapi, jika hendak melabelkannya sebagai sekular tidak patut. Tidak ada dokumen sekular yang akan meletakkan sumpah dengan nama Tuhan kerana sekular mempercayai bahawa agama tidak sepatutnya berada dalam *public domain*. Tetapi di sini agama diletakkan dalam undang-undang tertinggi negara. Jika ada undang-undang atau akta-akta parlimen lain yang bercanggah dengan Perlembagaan ini, maka setakat bercanggah akta itu akan terbatal. Undang-undnag tertinggi negara meletakkan kepada ketua tertinggi negara untuk melafazkan Wallahi, Wabillahi, Watallahi. Di mana sekularnya? “Maka kami berikrar, mengaku dengan sesungguhnya, sebenarnya, memeliharakan pada setiap amsa agama Islam.” Cuba kita fahami. Yang di-Pertuan Agong bukan bersumpah begini atas kapasiti peribadi baginda tetapi atas kapasiti baginda sebagai ketua tertinggi negara bererti sumpah baginda mengikat segenap

organ kerajaan. Eksekutif bertanggungjawab melaksanakan sumpah ini iaitu menjaga agama Islam. *Judiciary* terikat dengan sumpah ini, menjaga agama Islam. Begitu juga dengan *legislative*, ahli-ahli parlimen tidak boleh meluluskan atau meminda undang-undang secara yang menjejaskan agama Islam kerana itu melanggar sumpah Yang di-Pertuan Agong yang mana sumpah ini merupakan sumpah rasmi. Oleh itu, surat yang kita dapat, pada sampulnya tercatat Urusan Seri Paduka sedangkan jabatan yang hantar. Jabatan itu menjalankan fungsi bagi Yang di-Pertuan Agong. Jadi, ini yang tidak diperjuangkan. Kita hendak pemimpin yang sedar akan sumpah Yang di-Pertuan Agong ini. Kita hendak pemimpin yang sanggup menjalankan manifesto rakyat. Rakyat yang berikan manifesto tersebut. Kita tidak mahu lagi diumpun dengan manifesto ahli politik. Kita hendakkan pemimpin yang memperjuangkan sumpah Yang di-Pertuan Agong dalam Perlembagaan. Jadi, perkara ini selari dengan Perlembagaan. Seterusnya, Perkara 74(2), iaitu hak negeri untuk membuat undang-undang yang berkaitan dengan agama Islam. Kita tidak mahu pemimpin yang memperkotak-katikkan perkara ini. Ada ahli politik yang menganggap bahawa undang-undang Islam ini sebagai penghalang. Mereka tidak mahukan undang-undang ini wujud. Mereka tidak mahu Mahkamah Syariah wujud. Kita tidak mahu pemimpin sedemikian yang bercanggah dengan peruntukkan Perlembagaan Perkara 74(2) dibaca bersama Senarai 2 dalam Jadual 9. Yang terakhir adalah 121(1a) yang mana Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak tidak mempunyai bidang kuasa berkaitan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Perkara ini dimasukkan kemudian. Asalnya tidak ada 121(1a) tetapi dimasukkan kerana legislatif menyedari bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah tidak sepatutnya diganggu oleh bidang kuasa Mahkamah Sivil. Jadi, kita tidak mahu pemimpin-pemimpin yang memandang rendah kepada undang-undang Islam, memandang rendah kepada Mahkamah Syariah, kerana itu bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Jadi, saya simpulkan sebelum saya serahkan kepada tuan moderator. Dari segi al-Qawiyu al-Amin, sudut yang pertama, memang kita tidak terlalu fokus kepada kekuatan tubuh badan, tetapi kita memerlukan kekuatan peribadi, kekuatan ilmu, kekuatan fikiran, dan kita sangat memerlukan pemimpin yang amanah. Dalam kalangan ahli politik, saya bukan menyalahkan mereka, tetapi sepertimana yang saya katakana tadi, arus itu deras. Apabila terjun masuk ke dalam dunia politik yang ada, ulama' sendiri pun terkapai-kapai. Terpaksa menjadikan parti politik sebagai agama baharu. Nauzubillah. Kemudian dari segi syarat dalam kitab-kitab Fiqh, kitab al-Ahkam as-Sultaniyyah, perlu disesuaikan seadanya. Sebagai contoh, syarat berkaitan hamba itu sudah tidak relevan secara harfiahnya walaupun perhambaan akan diaplikasikan semula tetapi syarat bangsa Quraisy dan sebagainya sudah tidak relevan di tempat kita tetapi perlu diambil pengajaran di sebalik syarat itu. Dari segi Perlembagaan Persekutuan, yang telah diaplikasikan, kalau boleh Menteri Pendidikan masukkan subjek memahami menghayati Perlembagaan. Bukan untuk menjadi pakar undang-undang, tetapi sekurang-kurangnya rakyat Malaysia memahami asasnya. Wallahualam. Saya serahkan kembali kepada tuan moderator.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:11:59 – 1:12:33)**

Baik, soalan yang seterusnya untuk Tuan Ahmad Yazid Othman. Soalan ini mungkin dilihat tidak ada kena mengena dengan pemimpin yang diperlukan, tetapi ada kena mengena dengan strategi yang pemimpin itu perlu laksanakan.

***Soalan: Jika kita lihat misalnya kempen di MF, Rangkaian Global Ikhwan, kita boleh klasifikasikan sebagai usaha rakyat untuk menunjukkan kejayaan dalam membantu ekonomi orang Melayu itu sendiri. Apa pendapat tuan tentang usaha kerajaan dalam membangunkan ekonomi bumiputra ini sendiri. Silakan.***

**Tuan Ahmad Yazid Othman (ahli panel) = (1:12:36 – 11:24:12)**

Terima kasih tuan moderator, soalan yang cukup baik. Realitinya kita perlu sedar, jika kita melihat kepada data-data yang terkini, terdapat jurang kekayaan yang cukup besar antara kaum bumiputra Melayu dengan bukan Melayu. Ini didapati dalam pelbagai dapatan dan data-data terkini daripada jabatan-jabatan satatistik. Kita mempunyai Dasar Ekonomi Baru. Kita belum mencapai tahap yang kita mahukan malah kita melihat bahawa jurang kekayaan antara dua kaum ini bertambah. Antara yang Islam dan bukan Islam, dan apatah lagi yang Bumiputra dan bukan Bumiputra. Jadi, pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk mengurangkannya. Antaranya ialah pemimpin yang lama. Tun Abdul Razak melaksanakannya dengan objektif untuk mengurangkan kemiskinan dan mengurangkan identifikasi kaum berdasarkan ekonomi. Tetapi masalahnya, kita dapat lihat kelemahan di situ bahawa kita tidak fokus kepada hasil strategi itu dan kita tidak memahami berapakah kekayaan yang orang Melayu perlu capai untuk berdiri di atas kaki sendiri. Dan apabila masa berlalu, kita lihat di sebalik segala yang telah dilaburkan, pelbagai institusi yang telah ditubuhkan, ekonomi Melayu tidak berkembang seperti yang sepatutnya, tidak selari dengan komposisi kaum. Kita melihat bahawa majoriti kekayaan bukan dalam kalangan orang Melayu. Ini merupakan satu suasana yang tidak sihat di mana majoriti hanya berkongsi kekayaan negara hanya pada tahap yang rendah dan minoriti memegang kebanyakan daripada kekayaan negara. Ini merupakan satu perkara yang tidak sihat dan akan menjurus kepada satu krisis pada masa hadapan. Jadi, saya menyokong sebagai Felo Kanan MTEM, sebagai ahli Felo Dewan Perniagaan Melayu Malaysia menyokong penuh inisiatif Muslim First (MF) dan Rangkaian Global Ikhwan. Sedikit sebanyak ini memungkin kesedaran bahawa sekiranya kita tidak bermula di pihak retail dan kebanyakan wang yang orang Melayu belanjakan hanya pergi kepada sistem rangkaian bukan milik orang Melayu dan Islam. Dan sedikit sebanyak kita akan mengurangkan lagi pengaruh kita dalam ekonomi. Jadi, apabila kita menyokong, sedikit sebanyak akan memberi kesedaran bahawa kita perlu menyokong dan membantu komuniti ekonomi kita sendiri. Realitinya mengikut data, tidak silap saya 300 billion dibelanjakan daripada ratusan billion dibelanjakan oleh orang Melayu Islam termasuk bumiputra dalam sektor retail. Bayangkan jika semua jumlah itu dibelanjakan supply chain dan retail-retail melayu Islam, sudah pasti pembayar zakat kita akan siklik dalam orang kita. Masalahnya sekarang, walaupun kita sokong, realitinya supply chain kita masih lagi belum dikuasai oleh orang-orang kita. Jadi, daripada satu produk itu, masih lebih kurang 50 peratus tidak dihasilkan oleh orang Islam. Maknanya kebanyakan daripada import produk dihasilkan oleh bukan Islam. Jadi, kita perlu gunakan sentimen ini untuk menguatkan ekonomi kita supaya memangkin dan memudahkan supply chain kita dikuasai oleh orang Islam, untuk berada dalam supply chain dan sedikit sebanyak beri substitut alternatif kita untuk dapat memegang supply chain dalam pelbagai sektor. Begitu juga dalam pembinaan dan pembangunan, telekomunikasi, kita perlu pastikan penguasaan orang Islam ada secukupnya dan kerajaan perlu sedar bahawa ini tanggungjawab yang perlu dilakukan. Sepatutnya perkara ini sudah selesai. Perkara ini belum selesai kerana



pertamanya ada ketirisan dalam pelaksanaan pelbagai program. Ketirisan ini sendiri berlaku kerana ramai orang kita terpedaya dengan nafsu duniawi ini dan tidak mahu berkembang secara betul dan dengan mudahnya menjual peluang-peluang ini misalnya dengan usaha sama Alibaba di mana mereka mengambil projek dan tidak dapat mengusahakannya sendiri. Yang kedua, realitinya kini, disebabkan sistem ekonomi negara kita banyak bergantung kepada modal, dan kebanyakan modal ini tidak berada di tangan Melayu dan Islam. Sistem perbankan kita tidak memungkinkan perkara ini mudah berlaku kepada usahawan-usahawan dan kontraktor-kontraktor kita. Oleh sebab itulah kebanyakan orang-orang kita terpaksa bekerjasama melakukan usaha sama Alibaba sedangkan banyak ruang-ruang yang telah diberikan khusus untuk bumiputra yang kebanyakannya orang Islam. Yang ketiga, kita ada banyak dasar-dasar yang sebenarnya tidak berkesan. Contohnya, dasar-dasar diskaun untuk bumiputra, untuk perumahan dan sebagainya. Hari ini sudah tahun 2021, dasar ini telah diperkenalkan tidak silap saya pada 1970-an. Adakah bertambahnya milikan rumah orang Melayu Islam? Tidak. Apabila kita melakukan dasar-dasar untuk mengutamakan kontraktor-kontraktor bumiputra. Berapa banyakkah (tidak jelas) yang akan dilakukan oleh Bumiputra? Tidak ada. Jadi, kita perlu mengkaji semula pelbagai aspek *facility* polisi yang kita rasa berkesan kerana ia tidak lagi cukup untuk mengembangkan *supply chain* kita daripada pelbagai sektor. Yang terakhir adalah target yang paling utama. Jika kita ingin mengubah penguasaan ekonomi itu berpihak kepada tangan orang Islam, kita perlu lihat berapa banyakkah yang perlu kita capai supaya kita mampu mengusahakannya. Apa target kita? Berapa billion sumbangan kita kepada KDNK yang perlu kita hasilkan supaya kita mampu memastikan isi rumah kita mempunyai pendapatan yang besar dan kita boleh melabur, beli tanah yang lebih, dan boleh memajukan ekonomi kita sendiri termasuklah mencipta *supply chain* yang pelbagai. Kita tidak boleh menganggap bahawa 30% sudah cukup. Kita banyak mengalah dan menjaga hati pihak-pihak tertentu, kita tidak faham bagaimana kuasa ekonomi penting. Hal ini kerana apabila kuasa ekonomi dikuasai oleh orang Melayu, orang Islam, kita mampu menggerakkan pelbagai lagi inisiatif ekonomi Islam yang berasaskan wakaf, zakat, dan sebagainya dan sedikit sebanyak memastikan *foundation* kita dalam memastikan penguasaan kita dalam bumi bertuah ini kekal sepanjang zaman. Hari ini kita masih belum mampu kerana pasaran bukan dikuasai oleh kita. Kebanyakan asset-aset hartanah bukan milik kita. Kebanyakan gaji kita di bawah daripada 60% di mana kebanyakannya orang Melayu Islam. Jadi, kita masih ketinggalan. Berbalik kepada BMF dan Rangkaian Global Ikhwan, ini memberi satu kesedaran kepada Melayu Islam untuk menguasai ekonomi. Ini bukan untuk anak kita tetapi anak cucu kita untuk menguasai ekonomi agar mampu berdiri sendiri. Jika tidak, kita tidak akan mempunyai kekuatan ekonomi dan akhirnya kita akan mudah tewas dengan godaan-godaan yang berasaskan rasuah dan sebagainya. Pemimpin perlu tegas dan sedar tentang tanggungjawab mereka yang bukan sekadar untuk mencapai populariti, tetapi perlu bertanggungjawab kerana mereka akan menjawabnya nanti di akhirat. “Apakah yang kamu lakukan dengan kuasa yang kamu ada. Adakah kamu menyerahkannya kepada yang bukan hak? Adakah kamu menggunakan amanah itu untuk membangunkan tamadun atau hanya untuk diri sendiri sekadar untuk mendapat undi atau sebagainya. Jadi, ekonomi ada kaitan dengan politik. Jika kekuatan ekonomi kita mampu berdiri atas kaki sendiri, mungkin kita boleh berjaya. Jika kita tiada kekuatan ekonomi, bagaimana mungkin kita dapat menuntun wakil rakyat untuk membentangkan kepada Parlimen untuk mewajibkan Perlembagaan kita diajar mengikut naratif

yang kita fahami berasaskan tamadun yang telah bertahun-tahun wujud di muka bumi ini yang bermula pada 1957. Mereka akan mengatakan bahawa ini merupakan satu sentimen yang salah, dan sebagainya serta sedikit sebanyak mengekang kita untuk menegakkan kebenaran. Hakikatnya kebenaran kita berpaksikan kepada Perlembagaan dan selari dengan Rukun Negara. Jadi, kekuatan ekonomi ini adalah satu isu pokok sebelum kita berbicara tentang politik kerana mendanakan demokrasi politik ini adalah ekonomi. Selagi kita tidak mengawal ekonomi, selagi itu kita akan mengalami kesukaran untuk menegakkan yang hak dan menentang yang batil dalam bentuk yang kita mahukan bukan sahaja mengikut agama, tetapi juga seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Jadi, saya harap ini perlu dikaitkan sentiasa supaya pengguna Islam sebaik mungkin mengutamakan produk Islam dan pada masa yang sama pengelola Islam perlu berusaha memastikan produk kita produk yang terbaik. Kita tidak boleh memberikan gambaran bahawa produk orang Islam adalah sub-standard, mahal dan tidak berkualiti. Jika kita lakukannya, seluruh dunia Islam akan bangkit. InsyaAllah.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:24:13 – 1:24:47)**

Baik, jadi seterusnya kita akan ajukan kepada Prof Mahamad Naser Disa. Kita lihat bahawa negara ini sudah mempunyai Dewan Rakyat, Dewan Negara.

***Soalan: Adakah sudah tiba masanya untuk wujudkan perubahan pelantikan ahli Dewan Negara itu sendiri atau mungkin kita boleh kurangkan pelantikan politik dan lebihkan pelantikan daripada Raja-Raja Melayu? Dan mungkin Prof boleh terus membuat kesimpulan tentang Memo Rakyat ini. Adakah ia menepati kehendak yang rakyat-rakyat perlukan? Silakan.***

**Profesor Datuk Mahamad Naser Disa (ahli panel) = (1:24:49 – 1:38:43)**

Baik, bismillahirrahmanirrahim. Dari segi komposisi Dewan Negara dan Dewan Rakyat, Perdana Menteri dilantik daripada Dewan Rakyat. Rakyat sebenarnya tidak memilih parti politik. Istilah parti politik ini tidak ada dalam Perlembagaan. Bukan Perlembagaan tidak mengiktiraf, tetapi perlu melalui *the freedom of association*. Tetapi hendak menubuhkan kerajaan tidak mewajibkan parti politik kerana rakyat boleh memilih sesiapa sahaja walaupun orang yang bebas daripada parti, turut boleh dipilih ke Dewan Rakyat. Tetapi daripada 222 ahli Dewan Rakyat ini, Yang di-Pertuan Agong pula yang akan menentukan siapa yang akan menjadi Perdana Menteri. Di sinilah kita akan lihat bagaimana kesetiaan kita kepada raja dan negara apabila Yang di-Pertuan Agong memilih Perdana Menteri misalnya Tan Sri Muhyiddin Yassin. Berapa ramai orang yang menganggapnya sebagai satu pelantikan pintu belakang? Kita tidak boleh bersikap demikian. Yang melantik itu adalah Yang di-Pertuan Agong di bawah kuasa baginda di bawah Perkara-Perkara 43. Perkara 43 memberikan pertimbangan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memilih seseorang yang pada hemat baginda mendapat kepercayaan majoriti daripada dewan. Pada hemat baginda dan bukannya hemat kita dan parti-parti politik. Jadi, jika dikatakan di sini bahawa misalnya seseorang itu bukan Islam dan kita mendapati bahawa orang bukan Islam ini mendapat sokongan majoriti. Tetapi, disebabkan Yang di-Pertuan Agong bersumpah untuk memelihara agama Islam pada setiap masa dan sumpah ini mesti dilakukan oleh ahli-ahli politik. Yang bersumpah adalah Yang di-Pertuan Agong dan yang melaksanakannya adalah ahli-ahli

politik dan para pentadbir ahli parlimen dan Judiciary. Ketiga-tiga cabang ini yang melaksanakan sumpah Yang di-Pertuan Agong. Baginda besumpah atas kapasiti baginda sebagai ketua tertinggi negara tetapi yang wajib melaksanakannya adalah legislatif, eksekutif dan kehakiman. Maka, jika baginda mendapati bahawa orang yang bukan Islam itu tadi mendapat sokongan majoriti tetapi tidak mampu melaksanakan sumpah baginda, maka baginda telah memilih seorang yang lain iaitu Melayu Islam untuk melaksanakan sumpah dan komitmen baginda dengan Allah SWT. Maka, siapa yang dipilih oleh Yang di-Pertuan Agong itu dipersetujui dan diterima oleh parti-parti yang lain atau dalam kalangan orang yang tidak berparti, maka sepatutnya pilihan Yang di-Pertuan Agong itu dihormati dan tidaklah dilabelkan sebagai kerajaan pengkhianat, kerajaan pintu belakang dan sebagainya. Ini merupakan petanda-petanda yang menunjukkan Perlembagaan kita kini dikhianati. Sebagai contoh, kita lihat bagaimana pelantikan Perdana Menteri kita sehingga ke hari ini dipertikaikan oleh orang-orang yang tiada taat setia. Sebenarnya, perasaan tidak taat setia kepada raja dan negara ini adalah satu pemikiran yang subversif. Perkara 149 menganggapnya sebagai sebagai satu pemikiran yang subversif iaitu tidak taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong. Jika anda pergi satu langkah ke hadapan dan merancang untuk menghapuskan raja, menghakiskan kuasa raja, dan menghina raja, anda telah melakukan satu kesalahan. Kesalahan itu adalah di bawah Chapter 6 Penal Code atau di bawah Seksyen 121(B) Penal Code. Tetapi malangnya, kedaulatan undang-undang ini tidak dilaksanakan dan tidak dihayati. Saya sangat mempertikaikan kepimpinan di Bukit Aman sejak tahun 2010 sudah ada gerakan untuk menegakkan apa yang menegakkan apa yang dikatakan kerajaan Jesus. Mereka menyanyi-nyanyi untuk menegakkannya. Seruan sebegini sebenarnya seruan-seruan kelompok evangelis yang akhirnya menjelang PRU ke 14 itu mereka membawa penasihat agama kepada Donald Trump datang ke Malaysia, mengangkat pedang dan mengatakan, *“Take this sword back in the name of Jesus.”* Ini membuktikan bahawa kegiatan-kegiatan yang bersifat sebegini sudah lama berlaku. Kita telah mengemukakan laporan-laporan berkenaan perkara ini tetapi malangnya tiada sebarang tindakan dan siasatan. Mengapa? Kerana kefahaman dan sikap menghormati kedaulatan undang-undang itu sangat nipis dan semakin menipis. Kita tahu mereka hanya berfokus kepada kleptokrasi tetapi perkara yang berkaitan dengan penderhakaan dibiarkan. Bagi mereka, musuh yang utama hanyalah kleptokrasi. Benar, kleptokrasi perlu dihapuskan tetapi jangan biarkan negara ini cuba dikuasai oleh pengkhianat. Ini yang menjadi cabaran sehingga ke hari ini. Jika kita tangani, sampai bila-bila pun keadaan politik kita tidak akan harmoni. Sama ada kita memerlukan ahli Dewan Negara. Ahli Dewan Negara yang dilantik daripada kalangan parti politik pernah mencadangkan supaya Pulau Pinang ditukar menjadi negeri Kristian. Diucapkan di dalam Dewan Negara, *“Apa salahnya Pulau Pinang dijadikan negeri Kristian?”* Ini merupakan salah satu akibat ahli Dewan Negara itu dilantik berdasarkan kepada politik. Sepatutnya, raja duduk di dalam Dewan Negara atau badan-badan professional yang setia kepada raja dan negara. Sepatutnya kita tidak perlu mengambil kira sangat kepada ahli-ahli parti politik. Tetapi fokus kita dalam Dewan Negara pun penuh dengan parti politik. Sudahlah dalam Dewan Rakyat pun penuh dengan parti politik, dalam Dewan Negara pun begitu juga. Jadi, saya bersetuju sekiranya baginda raja-raja memberi fokus kepada orang-orang yang sudah matang dan faham tentang tatakengaraan kita yang berasaskan kepada Rukun Negara. Saya hendak membacakan huraian saya tentang Rukun Negara berdasarkan satu pantun ini. Penghayatan kepada Rukun Negara ini boleh kita lakukan berdasarkan kepada pendekatan amal. Sebagai

contoh yang pertama, kepercayaan kepada Tuhan. Bagaimana kita memahami dan menghayatinya? Akidah negara sumpah Rabbani, memelihara Islam bai'ah hifzu ad-Din, ahlu Sunnah Wal Jamaah kita pegangi, laungan azan merdeka abdihi. Jadi, jika kita hendak ekonomi orang Melayu berjaya, maka kita perlu kenal kembali kepada ekonomi Islam. Kita perlu mengekang kapitalisme yang terlalu mencengkam. Ini yang menyebabkan rasuah. Perniagaan yang terlalu menekankan kepada keuntungan daripada zaman sebelum merdeka lagi, sebelum zaman terbentuk persekutuan lagi menguasai ekonomi, menguasai bijih timah, menguasai tanah. Ini semua pemikiran kapitalis yang tidak menekankan kepada kebajikan. Ini pendekatan ekonomi kapitalis yang perlu kita ubah. Daripada dahulu sehingga kini, tidak ada usaha untuk mengubahnya. Wujud sistem kewangan Islam tetapi sistem tersebut turut menguntungkan ekonomi kapitalis. Bukan menguntungkan ekonomi Islam. Kita memerlukan keadilan ekonomi Islam berdasarkan kepada *welfare* atau kebajikan manusia. Kemudian, kesetiaan kepada raja dan negara. Anugerah merdeka kurniaan Illahi, mujahadah panglima raja bermaruah, angkatan pejuang disanjung tinggi, langkah bijak elak terjajah. 450 tahun panglima dan raja-raja kita menepis asakan daripada British untuk menjajah kita. Alhamdulillah kita tidak dijajah sepenuhnya. Kita tidak menjadi seperti Indonesia yang dijajah secara 100 peratus oleh Belanda tetapi kita masih lagi penentang daripada Tok Janggut, Mat Kilau, Tok Gajah dan sebagainya. Raja mengambil pendekatan hikmah iaitu berunding dengan mereka supaya tidak dijajah. Yang ketiga, keluhuran perlembagaan. Amati Bersama asas kedaulatan, mantap kefahaman teguh keluhuran, agama dijunjung hakis ancaman, lengkap keadilan negara dan watan. Seterusnya kedaulatan undang-undang. Amar maaruf nahi munkar, megah tersemat kanun dan syariat, adil dan hikmah tetap sedar, lambaian sejahtera teras masyarakat. Dan yang akhir sekali, kesopanan dan kesusilaan. Adat Melayu bersendikan agama, masyhur serata teguh peribadi, angkuh dan sombong punca angkara, luhur budi hormat-menghormati. Jadi, yang menjadi masalah kepada negara kita dan politik kita adalah sikap angkuh dan sombong. Kita perlu membaikinya dengan luhur budi hormat-menghormati yang perlu disemai sejak kecil. Jadi, kita perlu menggunakan Rukun Negara untuk membaiki masalah yang kita hadapi. Wallahualam. Terima kasih banyak. Assalamualaikum w.b.t.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:38:44 – 1:38:58)**

Jadi, itulah antara kata-kata dan huraian daripada Prof Datuk Mahamad Naser.

***Soalan: Seterusnya, kita hendak dengarkan huraian konklusi daripada Ustaz Engku Ahmad Fadzil tentang Memo Rakyat: Pemimpin Yang Dimahukan.***

**Ustaz Engku Ahmad Fadzil (ahli panel) = (1:39:00 – 1:45:10)**

Baik, secara ringkas, saya simpulkan daripada perbincangan yang panjang lebar tadi, kita boleh katakan bahawa masalah yang ada sekarang ini adalah sistemik. Masalah-masalah yang ada kebanyakannya hanyalah simptom sahaja kepada sistem yang rosak dan merosakkan itu. Masalah ini mungkin akan menjadi bertambah teruk. Sebagai contoh, sistem perniagaan MLM, sama ada menjual produk atau bertukar menjadi *money game*, *head hunting*, banyak bergantung kepada sistemnya. Apa *reward plan* yang ditawarkan? Jadi, *reward system* dalam sistem kepimpinan kita sekarang ini menjurus kepada *corruption* dari segi moral dan juga sudut-sudut

lain kerana perlu diundi untuk naik menjadi pemimpin. Untuk memastikan bahawa mereka diundi, maka mereka perlu membeli undi. Jadi, orang yang menjual undi juga tidak boleh *complain* sebenarnya kerana dia sendiri yang meletakkan pemimpin yang sebegitu. Jadi, sekarang ini kita perlu lihat, kita mungkin tidak perlu beralih sistem tetapi memperkasakan institusi yang sedia ada. Misalnya, institusi kehakiman yang pernah terjejas pada tahun 1988. Jadi, perlu diperkasakan semula sistem pelantikan hakim, *security of tenure* dan sebagainya. Demikian juga sistem keselamatan misalnya PDRM. Baru-baru ini kecoh apabila IGP yang ingin bersara mendakwa bahawa ada gangguan daripada Menteri dalam soal PDRM. Jadi, walaupun dakwaan itu belum dibuktikan, tetapi kebimbangan bahawa ada kemungkinan mana-mana ahli politik menyalahgunakan kuasa untuk memanipulasi PDRM untuk kepentingan politik peribadi yang menjejaskan kredibiliti, integriti dan bahkan kedaulatan negara. Jadi, jika PDRM tiada kredibiliti, maka boleh dibeli oleh penjenayah. Kita tidak mahu perkara ini berlaku kepada negara kita. Jadi, mungkin PDRM boleh diletakkan secara terus untuk melaporkan kepada Majlis Raja-Raja, misalnya supaya meminimumkan risiko hanya seorang ahli politik boleh memanipulasi agensi yang penting ini untuk kepentingan peribadi. Demikian juga SPRM yang dikatakan sebagai *gate keeper*, orang yang menjaga institusi-institusi supaya berjalan tanpa ada elemen-elemen rasuah tetapi bayangkan SPRM sendiri diserapi dengan rasuah. Jadi, bagaimana kita hendak mengharapkan mereka untuk mencegah rasuah? Jadi, SPRM ini juga perlu diperkasakan dengan pelaporannya jangan diberikan kepada ahli politik kerana kita tahu bahawa ahli politik sentiasa meletakkan kepentingan politik melebihi kepentingan negara, bangsa dan agama. Kemudian, kita juga perlu memperkasakan institusi raja-raja. Kadang-kadang kita terlalu obses dengan negara lain, sehingga hendak menjadikan negara kita sebagai negara republik. Mereka tidak mahukan lagi raja-raja, tetapi mahukan presiden sedangkan budaya politik mereka tidak seperti budaya politik di negara kita. Jadi, institusi raja-raja kita perlu diperkasakan peranan mereka dan bukannya mengikut apa yang dinasihati oleh ahli-ahli politik sahaja. Bukannya kita mahukan raja mutlak, tetapi perlembagaan perlu memberikan ruang yang lebih untuk Majlis Raja-Raja berfungsi. Saya utarakan sekali lagi, perlu juga difikirkan akademi khas untuk melatih bakal-bakal raja. Apabila tiba giliran mereka untuk menjadi sultan atau naik sebagai Yang di-Pertuan Agong, mereka bersedia dengan baik untuk menangani pelbagai cabaran terutamanya cabaran yang kita ada sekarang seperti Covid-19 yang kita katakan sebagai *unprecedented challenge*. Jadi, kita juga memerlukan *unprecedented solution*. Jadi, saya harap rakyat, pemimpin, raja-raja sama-sama berganding bahu dengan kemampuan dan kapasiti masing-masing untuk ketepikan politik-politik picisan yang hanya untuk kepentingan peribadi, fikirkan untuk menyelamatkan negara kita dan menjaga kedaulatan negara kita. Setakat itu saya simpulkan. Saya ucapkan terima kasih atas perhatian dan saya minta maaf atas kesilapan dan kekurangan. Wallahualam.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:1:45:11 – 1:45:18)**

Baik, dan yang terakhir kita teruskan kepada Tuan Ahmad Yazid Othman, sedikit kesimpulan tentang topik kita pada malam ini. Silakan.

**Tuan Ahmad Yazid Othman (ahli panel) = (1:45:22 – 1:51:36)**

Terima kasih tuan moderator. Pemimpin yang kita mahukan adalah pemimpin yang lebih sayangkan rakyat daripada parti. Itu yang paling kita harapkan, yang sayangkan bangsa, agama

dan negara kerana hari ini, kita lihat banyak pemimpin yang mempunyai kriteria-kriteria dan kepentingan yang tidak bersifat kepentingan ummah. Kepentingan tersebut lebih kepada kepentingan peribadi atau parti. Saya akui ia merupakan satu realiti kehidupan, mereka terpaksa untuk meletakkan faktor parti ini sebagai strategi untuk menggunakan kuasa namun rakyat tidak terlibat dalam proses itu. Oleh itu, kita perlu ada satu penanda aras. Yang mana yang sepatutnya dipilih dan kita sebagai cendekiawan, NGO, mesti menerangkan kepada rakyat tentang kriteria-kriteria yang patut ada pada seorang pemimpin bukannya yang popular, yang pandai bercakap, yang pandai buat lawak dan sebagainya tetapi tidak memahami fungsi dan tujuannya untuk memastikan negara ini membangun mewakili aspirasi rakyat tanpa mengabaikan apa yang termaktub dalam Perlembagaan dan Rukun Negara. Ini yang menjadi masalah malah hari ini kita lihat ramai pemimpin beragama Islam tidak memahami tujuan dan fungsi kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan malah mengatakan Islam hanya agama rasmi. Ada perbezaan antara agama rasmi dan agama negara. Yang kedua, kita mahukan pemimpin yang lebih dekat kepada permasalahan rakyat. Hari ini pemimpin kita banyak bersembunyi di sebalik program-program kerajaan dan meyakinkan bahawa program tersebut berkesan sedangkan merekalah yang sepatutnya memberikan maklum balas kepada kerajaan. Tidak kiralah sama ada mereka berada di dalam kerajaan atau di luar kerajaan, kerana mereka mewakili rakyat dan mereka diberikan amanah untuk melakukan *check and balance* dalam parlimen, kabinet, kerajaan dan sebagainya. Jadi, jika tujuan pemimpin kita hanya untuk mengiyakan apa yang pemimpin mereka dalam parti katakan, apa faedah dan kepentingannya untuk rakyat? Kita telah menyalahfaham konsep feudal yang memberi kuasa kepada pemimpin ini sebagai mutlak sedangkan itu bukan feudal kepada pemimpin parti politik sahaja. Feudal itu kepada pemimpin negara, kepentingan dan amanah kepada negara perlu difahami dalam konteks yang sebenar. Jadi, kita tidak perlu berlumba-lumba untuk pertahankan semua dasar kerana ia datang daripada kerajaan dan parti yang kita suka. Jika itulah isunya nanti, kerana kegagalan parti untuk menguruskan perbezaan, apabila hendak mengundi, dia akan menyokong perkara yang tidak betul dan tidak mementingkan kepentingan rakyat kerana hanya mahu mendapatkan undi daripada 222 orang sedangkan rakyat 30 juta. Siapa yang akan memastikan kepentingan rakyat 30 juta ini dapat dibina dan dipertahankan? Jadi, kita mengharapkan dalam masa terdekat, pemimpin-pemimpin yang akan datang lebih memahami fungsi tugas dia dalam konteks kepentingan dan tanggungjawab kepada rakyat, agama, bangsa dan negara mengikut apa yang difahami oleh Perlembagaan negara. Dan jika kita boleh mulakan gerakan ini dan memberikan didikan politik yang sebenar kepada bakal-bakal pemimpin, saya setuju dengan cadangan perlu mengadakan penerangan sejarah yang lebih baik, jadi tidak ada polemik-polemik ini dan kita tidak akan menyalahfaham apa yang ada dalam Perlembagaan dan pemimpin-pemimpin tidak perlu berpolitik untuk undi kerana perkara-perkara pokoknya tidak perlulah dipersoalkan lagi. Tetapi malangnya, selepas 60 tahun kita masih berpolemik dari segi agama, Bahasa Melayu, Sabah dan Sarawak, hak keistimewaan Melayu dan sebagainya. Perkara ini asas dan tidak perlu didebat malah perlu dibincangkan bersama-sama tentang cara untuk merealisasikan apa yang termaktub dalam Perlembagaan. Jika tidak, kita masih berpolemik lagi. Kita perlu fokus bagaimana untuk membangunkan negara ini yang telah wujud beribu tahun dan bagaimanakah kerajaan yang dibentuk pada 1957 ini dapat membangunkan pelbagai bangsa di bawah satu panji yang berasaskan tamadun Melayu, agama Islam untuk membangunkan Malaysia sebagai negara maju, progresif atas nama yang sebenar

tanpa meniadakan realiti Perlembagaan kita, realiti sejarah kita dan kepentingan agama dan bangsa kita sebagaimana yang diinginkan. Jika semua orang boleh memahaminya, kita boleh fokus. Tetapi jika setiap tahun bertengkar akibat perkara sama, kita akan masih berpolemik yang tiada faedah. Harapan saya, kita perlukan pemimpin yang cakna dengan Perlembagaan, sejarah, tamadun, dan faham bahawa tugasnya adalah mewakili rakyat untuk kepentingan rakyat yang terutama. Bukan lagi yang dipimpin. Jika parti yang dipimpin itu salah, adakah dia akan sokong? Tetapi itu yang berlaku dalam realiti hari ini. Ini adalah satu perkara yang mengecewakan. Kita harap pemimpin yang akan datang akan lebih cakna akan tanggungjawab dan tugas kerana tanggungjawab ini bukan sahaja semasa pilihanraya, tetapi perlu dijawab semasa akhirat nanti. InsyaAllah.

**Lokman Hakiem Abd Samad (moderator) = (1:51:37 – 1:52:21)**

Jadi, kepada penonton siaran langsung Demi Maliau, kita sudah berada pada penghujung rancangan. Jadi, kita mengucapkan terima kasih kepada panel-panel kita iaitu Ustaz Engku Ahmad Fadzil, Profesor Datuk Mahamad Naser Disa dan Tuan Ahmad Yazid Othman atas pandangan yang telah diutarakan mewakili persepsi masing-masing. Walaupun ada perbezaan tetapi boleh diraikan kerana perbezaan itulah yang akan menjadikan tonggak negara kita nanti. Jadi, untuk siaran langsung yang akan datang, kita harap anda semua yang masih berminat untuk menyaksikan isu-isu panas, isu-isu yang menarik, terus bersama Demi Maliau dan kita akan bertemu lagi pada masa akan datang. Sesungguhnya yang baik itu datang daripada Allah, dan segala salah silap itu datangnya daripada kami sebagai manusia yang ingin memperjuangkan Melayu dan Islam di tanah ini. Assalamualaikum.

**Tuan Yazid Othman, Ustaz Engku Ahmad, Prof Datuk Mahamad Naser Disa = (3:03 – 3:07)**

Waalikumussalam w.b.t.